

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1. Pengenalan

Syariah Islam merupakan pandangan hidup yang seimbang dan terpadu, diciptakan untuk mengantar manusia menuju kebahagiaan di dunia dan di akhirat (*al-falāḥ*). Syariah Islam bersifat *syumūl* atau komprehensif<sup>1</sup>, iaitu mengatur segala aspek kehidupan manusia, termasuk permasalahan ibadah dan muamalah.

Muamalah dalam erti sempit ialah ekonomi Islam. Ekonomi Islam mengatur aktiviti manusia supaya selari dengan prinsip-prinsip Syariah. Prinsip-prinsip Syariah antara lain Prinsip non riba, Prinsip Perniagaan halal dan tidak haram, Prinsip Keredhaan semua pihak dalam berkontrak, Prinsip pengurusan dana yang amanah, jujur dan bertanggungjawab.<sup>2</sup> Prinsip-prinsip tersebut yang kemudian dikenali dengan prinsip-prinsip ekonomi Islam.

Manakala menurut Nor Mohamed Yakcop<sup>3</sup>, prinsip-prinsip ekonomi Islam ialah Allah SWT pemilik sebenar, manusia sebagai khalifah di muka bumi ini, agihan semula kekayaan berorientasikan sosial, prinsip penghapusan riba, *al-ádl Wa al- Iḥsān*, integrasi nilai akhlak dan kegiatan ekonomi dan sikap positif terhadap kegiatan pembangunan ekonomi. Prinsip-prinsip inilah yang mesti diwujudkan dalam sesebuah aktiviti ekonomi Islam.

---

<sup>1</sup> Mahmood Zuhdi dan Paizah Hj Ismail, *Pengantar Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Al-Bayan Corporation SDN. BHD, 2006), 9.

<sup>2</sup> Jafril Khalil, "Prinsip Syariah Dalam Perbankan", *Jurnal Hukum Bisnis* 20 (Ogos-September 2010), 47.

<sup>3</sup> Nor Mohamed Yakcob, *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1996), 9-25.

Di Indonesia, salah satu institusi yang sangat menunjang aktiviti ekonomi ialah institusi pegadaian.

Institusi Pegadaian telah dimulakan semenjak tahun 1901. Namun baharu di tahun 1990 dengan lahirnya Peraturan Pemerintah nombor 10/1990 tarikh 10 April 1990, kemudian diperbaharui dengan terbitnya Peraturan Pemerintah 103 tahun 2000, Pegadaian berstatus sebagai Perusahaan Umum (PERUM) dan merupakan salah satu Badan Umum Milik Negara (BUMN) dalam lingkungan Kementerian kewangan Republik Indonesia hingga sekarang.<sup>4</sup>

Gadaian merupakan instrumen kredit yang popular dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana. Gadaian turut popular di kalangan peniaga yang memerlukan modal perniagaan. Kewujudan institusi gadaian di merata-rata tempat memudahkan golongan ini untuk mendapatkan pinjaman wang tunai dengan segera dan dengan mudah. Apa yang perlu dilakukan hanyalah mencagarkan barang-barang berharga yang dimiliki untuk memperoleh wang.

Dalam Islam, gadaian ialah muamalah yang diharuskan, sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran:

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَى سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَانٌ مَّقْبُوضَةٌ فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُم بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ الَّذِي أُؤْتِيَ  
أَمَانَتَهُ...

(Al-Baqarah 2: 283)

“Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang), kemudian kalau yang memberi hutang

---

<sup>4</sup> Ari Agung Nugraha, "Gambaran Umum Kegiatan Usaha Pegadaian Syariah", laman sesawang *Tripod*, dicapai 14 Mac 2011, <http://ulgs.tripod.com/aboutme.htm>.

percaya kepada yang berhutang, maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya.... “

Ayat tersebut secara jelas menyebutkan "barang gadaian untuk dipegang (oleh yang memberi hutang)". Dalam dunia kewangan, barang gadaian biasa dikenali sebagai jaminan (*collateral*) atau objek gadaian.<sup>5</sup>

Rasulullah saw juga pernah bermuamalah dengan menggadaikan barang miliknya kepada orang Yahudi, disebutkan dalam salah satu hadith:

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الْحَنْظَلِيُّ وَعَلِيُّ بْنُ خَشْرَمٍ قَالَا أَخْبَرَنَا عَيْسَى بْنُ يُونُسَ عَنْ  
الْأَعْمَشِ عَنْ إِبْرَاهِيمَ عَنِ الْأَسْوَدِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : اشْتَرَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ مِنْ يَهُودِيٍّ طَعَامًا وَرَهْنَهُ دِرْعًا مِنْ حَدِيدٍ

Terjemahan: “Aisyah r.a berkata bahawa Rasulullah saw membeli makanan dari seorang Yahudi dan menggadaikan baju besi kepadanya.”<sup>6</sup>

Namun demikian, amalan gadaian di Indonesia dikatakan masih lagi mengandungi unsur riba. Islam menganggap riba sebagai satu unsur buruk yang merosakan masyarakat sama ada dari segi ekonomi, sosial mahupun moral. Oleh sebab itu, Al-quran melarang umat Islam daripada memberi atau memakan riba.<sup>7</sup>

Sebab itu di Indonesia pada tahun 2003 dikembangkan Gadaian Syariah. Konsep operasi gadaian Syariah mengacu pada sistem ekonomi moden iaitu asas rasionaliti dan keberkesanan yang diselarikan dengan nilai-nilai Islam. Fungsi operasi gadaian Syariah itu sendiri dijalankan oleh pejabat-pejabat Cawangan Pegadaian Syariah/ Unit Layanan

<sup>5</sup> Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah: Dari Teori ke Praktik* (Jakarta: Gema Insani, 2001), 128.

<sup>6</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Buyū', Bāb al-Rahn wa Jawāzihi fī al-Ḥaḍar wa al-Safar, No Hadith 4091. Lihat Yahyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *Al-Minhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn al-Ḥajjāj* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2005), 41.

<sup>7</sup> Lihat QS. *Al-Baqarah* 2: 275-279, QS. *Al-Nisā'* 4: 130, QS. *Al-Rūm* 30: 39.

Gadai Syariah (ULGS) sebagai satu unit organisasi di bawah binaan bahagian usaha lain PERUM Pegadaian. ULGS ini merupakan unit bisnis mandiri yang secara struktural berasingan urusannya dari amalan gadaian konvensional. Gadaian Syariah pertama kali ditubuhkan di Jakarta dengan nama Unit Layanan Gadai Syariah ( ULGS) Cawangan Dewi Sartika di bulan Januari tahun 2003. Menyusul kemudian penubuhan ULGS di Surabaya, Makasar, Semarang, Surakarta, dan Yogyakarta di tahun yang sama hingga September 2003. Masih di tahun yang sama pula, 4 Pejabat Cawangan Pegadaian di Aceh ditukar menjadi Pegadaian Syariah.<sup>8</sup>

Faktor utama yang membezakan antara pegadaian Syariah dan pegadaian konvensional ialah segala urusan mesti dikendalikan tanpa ada unsur-unsur faedah.<sup>9</sup>

## **1.2. Latar Belakang Kajian**

Terbitnya Peraturan Pemerintah nombor 10 tarikh 1 April 1990 dapat dikatakan menjadi permulaan awal kebangkitan Pengadaian, satu hal yang perlu dicermati bahawa Peraturan Pemerintah nombor 10 menegaskan misi yang mesti dilaksanakan oleh Pegadaian untuk mencegah amalan riba, misi ini tidak berubah hingga munculnya Peraturan Pemerintah 103/2000 yang dijadikan sebagai landasan kegiatan PERUM Pegadaian sampai sekarang. Banyak pihak berpendapat bahawa operasi Pegadaian pra Fatwa Majlis Ulama Indonesia (MUI) tarikh 16 Disember 2003 tentang Faedah Bank, telah sesuai dengan konsep Syariah. Berkat Rahmat Allah SWT dan setelah melalui kajian panjang, akhirnya disusun suatu konsep penubuhan unit Layanan Gadai Syariah sebagai langkah awal pembentukan bahagian khusus yang menangani kegiatan usaha

---

<sup>8</sup> Ari Agung Nugraha, "Gambaran Umum Kegiatan Usaha Pegadaian Syariah", laman sesawang *Tripod*, dicapai 14 Mac 2011, <http://ulgs.tripod.com/aboutme.htm>..

<sup>9</sup> Pusat Komunikasi Ekonomi Syariah, *Tanya Jawab Ekonomi Syariah* (Jakarta: PKES Publishing, 2008), 131.

Syariah. Pegadaian Syariah Dewi Sartika Jakarta merupakan Unit Layanan Gadai Syariah (ULGS) yang pertama ditubuhkan di Indonesia. Adapun akad yang digunakan dalam operasi gadaian Syariah adalah Akad *Rahn*<sup>10</sup> dan Akad *Ijārah*<sup>11</sup>.

Dalam operasinya, Pegadaian Syariah Dewi Sartika selalu melihat kepada perkembangan pasar yang berlaku di Indonesia, salah satunya ialah perkembangan minat masyarakat untuk pemilikan emas guna dijadikan sebagai alat pelaburan. Oleh kerana itu, pada tahun 2009 Pegadaian Syariah mengeluarkan suatu program baharu yang disebut program MULIA (Murabahah Emas Logam Mulia Investasi Abadi). Program MULIA ialah suatu program yang memudahkan pemilikan jongkong emas melalui penjualan logam MULIA oleh Pegadaian Syariah kepada masyarakat secara tunai atau ansuran.<sup>12</sup>

Komoditi yang menjadi objek dalam produk MULIA adalah emas logam (jongkong emas). Menurut keumuman hadith daripada Rasulullah saw tentang barang ribawi, maka emas merupakan salah satu barang ribawi yang mana jual beli barang tersebut mestilah dilakukan secara tunai. Suatu hal yang menjadi perbincangan saat ini adalah bagaimana akad *murābahah* diterapkan dalam operasi Pegadaian Syariah Dewi Sartika, khasnya dalam penyediaan logam emas yang pelunasannya oleh pelanggan dilakukan dengan cara ansuran.

Oleh itu, penulis akan mengkaji tentang "ANALISIS APLIKASI *MURĀBAḤAH* DI PEGADAIAN SYARIAH DEWI SARTIKA, JAKARTA, INDONESIA."

---

<sup>10</sup> Akad *Rahn* yang dimaksud adalah menahan harta milik si peminjam sebagai jaminan atas pinjaman yang diterimanya, pihak yang menahan memperoleh jaminan untuk mengambil kembali seluruh atau sebagian piutangnya. Dengan akad ini Pegadaian menahan barang bergerak sebagai jaminan atas utang pelanggan. Lihat Yahyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *Kitāb al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab li al-Shīrāzī* (Jeddah: Maktabah al-Irshād, t.t.), 12:299-305.

<sup>11</sup> Akad *Ijārah* iaitu akad pemindahan hak guna atas barang dan atau perkhidmatan melalui pembayaran upah sewa, tanpa diikuti dengan pemindahan pemilikan atas barangnya sendiri. Melalui akad ini dimungkinkan bagi Pegadaian untuk menarik sewa atas penyimpanan barang bergerak milik pelanggan yang telah melakukan akad. Lihat Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah: Dari Teori ke Praktik*, 117-119.

<sup>12</sup> Layanan Emas, laman sesawang *Pegadaian*, dicapai 14 Mac 2012, [nhttp://www.pegadaian.co.id/](http://www.pegadaian.co.id/).

### **1.3. Persoalan Kajian**

1. Bagaimanakah akad *murābahah* dalam transaksi emas menurut fiqh muamalah?
2. Bagaimanakah pelaksanaan akad *murābahah* dalam transaksi emas pada produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika Jakarta?
3. Bagaimanakah hukum pelaksanaan akad *murābahah* pada produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika Jakarta sama ada sesuai atau tidak dengan prinsip-prinsip Syariah?

### **1.4. Objektif Kajian**

1. Mengkaji akad *murābahah* dalam transaksi emas menurut fiqh muamalah.
2. Menjelaskan akad *murābahah* transaksi emas pada produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika Jakarta.
3. Menganalisis aplikasi akad *murābahah* pada produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika sesuai dengan prinsip-prinsip Syariah.

### **1.5. Kepentingan Kajian**

Kajian ini sangatlah penting dijalankan. Secara umum tidak ada prinsip Syariah yang melarang pelaksanaan instrumen *murābahah* dalam suatu institusi kewangan. Namun menerapkan instrumen *murābahah* pada emas dengan pembayaran secara ansuran adalah suatu permasalahan yang perlu dikaji lebih dalam dan hasilnya boleh dijadikan asas operasi oleh pihak pentadbir institusi kewangan Syariah lainnya.

Maka setelah kajian ini dibuat, diharapkan dapat menjelaskan pelaksanaan instrumen *murābahah* secara khasnya pada produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika, sehingga dapat dilaksanakan di pelbagai institusi kewangan yang lain. Bagi

masyarakat umum, diharapkan hasil dari kajian ini dapat menambah khazanah pengetahuan mereka tentang keabsahan akad produk yang ditawarkan oleh Pegadaian Syariah Dewi Sartika, sehingga dapat dimanfaatkan oleh masyarakat secara luas tanpa ada keraguan.

Manakala bagi penyelidik kewangan Islam, diharapkan hasil kajian ini dapat menjadi acuan dalam melakukan penyelidikan lebih lanjut tentang institusi kewangan Syariah, secara khasnya pegadaian Syariah.

## **1.6. Skop Kajian**

Isu-isu yang berkaitan dengan pembiayaan dibawah prinsip *murābahah* meliputi banyak aspek. Namun, kajian ini mempunyai skop-skop, iaitu yang berhubungkait dengan aspek keselarian konsep produk *murābahah* dan pelaksanaannya di Pegadaian Syariah Dewi Sartika dengan prinsip-prinsip Syariah.

Kajian ini dilaksanakan di institusi Pegadaian Syariah Dewi Sartika, yang beralamat di jalan Dewi Sartika No. 139 A Jakarta Timur, Indonesia. Dipilihnya institusi tersebut kerana ianya merupakan Pegadaian Syariah pertama yang ditubuhkan berkat kerjasama antara Perusahaan Umum (PERUM) Pegadaian dan Bank Muamalat Indonesia (BMI). Selain itu, ianya juga Pegadaian Syariah pertama yang menerapkan produk MULIA dengan akad *murābahah*.

Kajian ini memberi tumpuan kepada keselarian konsep, prosedur dan pelaksanaan instrumen *murābahah* dengan prinsip-prinsip Syariah, serta penentuan margin keuntungan dalam kontrak *murābahah* secara khasnya dalam produk MULIA (Murabahah Emas Logam Mulia Investasi Abadi).

## 1.7. Kajian Lepas

Peneliti akan membahagikan kajian lepas kepada dua bahagian, bahagian pertama iaitu tentang gadaian Syariah dan bahagian kedua tentang *murābahah*.

Dalam kajian oleh Zuraiti<sup>13</sup> menyimpulkan bahawa masyarakat umumnya sedar tentang kepentingan skim *ar-rahn* dan sekaligus dapat menerima konsep yang diperkenalkan dalam mempertingkatkan sistem muamalat Islam yang terhindar dari unsur-unsur penindasan. Namun masih terdapat beberapa pelanggan yang masih kurang faham tentang konsep yang diperkatakan ini. Berdasarkan kajian tersebut 100 peratus pelanggan merasakan skim *Ar-rahn* tidak membebankan dan mereka ini dengan penuh yakin mengeluarkan pendapat bahawa sistem pajak gadai Islam adalah yang terbaik jika dibandingkan dengan pajak gadai konvensional.

Muhammad Saiful Islami<sup>14</sup> mengemukakan bahawa sambutan masyarakat sekitar terhadap skim *ar-rahn* yang ditawarkan oleh Kedai *Ar-Rahn* Bank Rakyat Cawangan Alor Selatan sangat memberangsangkan. Namun perkembangan sistem pajak gadai Islam masih menghadapi persaingan hebat daripada pajak gadai konvensional yang telah lama perpijak. Dari hasil kajian tersebut, maka peneliti menyimpulkan masih perlunya pengembangan daripada skim *ar-rahn* agar dapat diterima luas oleh masyarakat.

Kajian lain oleh Syuryadi<sup>15</sup> tentang peranan gadai Syariah sebagai instrumen kredit usaha kecil menengah (UKM). Dalam kajiannya beliau menyimpulkan dengan

---

<sup>13</sup> Zuraiti Abdul Ghani, “Sistem Gadaian Islam: Suatu Kajian Tentang Amalannya di Kedai Ar-Rahn Kota Bharu Klantan” (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001).

<sup>14</sup> Muhammad Saiful Islami, “Penerimaan Pelanggan Terhadap Skim Pajak Gadai Islam: Kajian di Kedai Ar-Rahn Bank Rakyat Cawangan Alor Setar, Kedah” (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

<sup>15</sup> Syuryadi, “Peranan Gadai Syariah Sebagai Instrumen Kredit Usaha Kecil Menengah (UKM): Kajian Khusus Pegadaian Syariah di Wilayah Batam, Riau, Indonesia” (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).



data emperikal yang diperolehi dalam kajian beliau telah menunjukkan bahawa gadaian Syariah mempunyai peranan penting sebagai instrumen kredit usaha kecil dan menengah di Batam Indonesia. Menurut beliau, sememangnya gadaian Syariah dapat membantu masyarakat dalam mendapatkan pendanaan usaha yang mereka jalankan. Namun beliau memberi cadangan agar kewujudan gadaian Syariah wilayah Batam perlu sosialisasi kepada pelanggan utamanya dengan menekankan kelebihan yang dimiliki gadaian Syariah, iaitu prosedur yang cepat dan mudah untuk mendapatkan pembiayaan.

Dalam kajian Susilowati<sup>16</sup> menyimpulkan bahawa Pegadaian Syariah memiliki perbezaan mendasar dengan pegadaian konvensional dalam pengenaan kos. Pegadaian konvensional memungut kos dalam bentuk faedah yang bersifat akumulatif dan berlipat ganda, lain halnya dengan kos di Pegadaian Syariah yang tidak berbentuk faedah, tetapi berupa kos penitipan, pemeliharaan, penjagaan, dan penaksiran. Kos gadai Syariah lebih kecil dan hanya sekali sahaja. Jika ditinjau dari aspek perundangan, Peraturan Pemerintah Nombor 103 tahun 2000, dan fatwa-fatwa Dewan Syariah Nasional (DSN) Majelis Ulama Indonesia (MUI) yang dapat dijadikan landasan dalam melaksanakan gadai sesuai Syariah, yakni Fatwa Nombor 25/DSN/MUI/III/2002 tentang *Rahn* (Gadai), yang diperakui pada tarikh 26 Jun 2002, dan Fatwa Nombor 26 DSN/MUI/III/2002 tentang *Rahn* Emas (Gadai), memberikan kepada PERUM Pegadaian legalitas yang cukup kuat untuk melakukan gadaian dengan sistem Syariah, walaupun gadaian Syariah belum diatur dalam suatu peraturan perundangan secara khusus di Indonesia. Dalam disertasi beliau belum lagi membahas tentang produk baharu untuk pemilikan emas, iaitu produk MULIA.

---

<sup>16</sup> Susilowati, “Pelaksanaan Gadai Dengan Sistem Syariah di PERUM Pegadaian Semarang” (Desertasi Sarjana Kenotariatan, Universitas Diponegoro, 2008).

Dalam kajian Khusairi<sup>17</sup> menyimpulkan bahawa mekanisme operasi gadaian Syariah di PERUM Pegadaian Syariah Pamekasan tidak ada yang menyimpang dari hukum-hukum Syariah. Didapati juga bahawa pengaplikasian *ijārah* di Perusahaan Umum Pegadaian Syariah Jokotole Pamekasan tidak menekankan pada pengambilan faedah dari barang yang digadaikan. Akan tetapi faedah yang diamalkan di pegadaian konvensional diganti dengan istilah *ijārah*. Selain itu, dalam perkembangannya, Pegadaian Syariah mengeluarkan produk dengan nama MULIA (Murabahah Logam mulia Untuk Investasi Abadi). Hal ini merupakan penjualan logam emas yang disediakan di pegadaian Syariah. Kajian tersebut, walaupun telah menyebutkan adanya program baru, iaitu produk MULIA yang ditawarkan oleh Pegadaian Syariah Jokotole, namun ianya tidak menjelaskan lebih mendalam tentang aplikasi produk tersebut.

Selanjutnya kajian oleh Joni Tamkin Borhan<sup>18</sup> membincangkan tentang legitimasi *bay' al-murābahah* dalam undang-undang perdagangan Islam serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti syarat-syarat barang, kos asal barang dan mekanisme pembayarannya. Menurut beliau *bay' al-murābahah* ialah penjualan sesuatu barang kepada pembeli dengan kos asal barang tersebut dan kadar keuntungan yang dipersetujui antara kedua-dua pihak. Manakala pembayaran harga boleh dilakukan secara tunai atau bertangguh, langsung mahupun cicilan. Muamalah seperti ini adalah diharuskan, walaupun ada ulama seperti 'Abd Allāh bin Mas'ūd yang tidak menyukai amalan ini. Namun, majoriti daripada pandangan mazhab-mazhab tidak ada yang mempersoalkan muamalah ini.

Beliau juga menyatakan tentang pelaksanaan pembayaran *bay' al-murābahah*, iaitu kos asal barang, termasuk kos tambahan seperti transportasi, pengolahan dan kos

---

<sup>17</sup> Khusairi, "Konsep Gadai Dalam Hukum Islam: Studi Analisis Terhadap Mekanisme Operasional Gadai Shari'ah di Perusahaan Umum Pegadaian Shari'ah Jokotole, Pamekasan, Madura" (Disertasi Sarjana Syariah, Program Studi Ilmu Keislaman, IAIN Sunan Ampel, 2010).

<sup>18</sup> Joni Tamkin Borhan (1998), "*Bay' al-Murābahah* in Islamic Commercial Law", *Jurnal Syariah* 6, (Januari 1998), 53.

pengepakan harus dijelaskan dalam kontrak dan itu semua dibayar oleh penjual. Manakala keuntungan untuk penjual dibayar oleh pembeli. Disyaratkan pula barang yang dijadikan objek *murābahah* mesti barang yang diketahui harganya, jika barang tidak diketahui harganya (*majhūl*) tidak boleh dijadikan objek *murābahah*. Dalam kajian ini, penulis akan menjelaskan lebih lanjut tentang metod pengambilan keuntungan pada *murābahah* yang diterapkan oleh Pegadaian Syariah Dewi Sartika.

Suatu kajian oleh Irshad Abdal Haq<sup>19</sup> menjelaskan tentang perbezaan antara *murābahah* dengan *ijārah*. Dalam *murābahah*, penjualan sebenar adalah ketika ada barang, dan pelanggan dapat melakukan penawaran lalu pembelian. Manakala perjanjian sebelumnya untuk penyediaan barang belum dikatakan sebagai penjualan sebenar. Manakala dalam *ijārah*, kontrak dikatakan sah bermula dari perjanjian awal, dan setelah hantaran barang diterima pelanggan tidak ada lagi sembarang kontrak. Menurut beliau ada dua sebab kenapa perbezaan antara *murābahah* dan *ijārah* itu wujud, pertama syarat jual beli jika dikaitkan dengan tarikh hadapan adalah tidak sah. Oleh itu, perjanjian awal belum dikatakan penjualan sebenar dalam *murābahah*, manakala dalam *ijārah* adalah sudah mencukupi dengan perjanjian awal. Kedua, asas prinsip Syariah tidak membenarkan pengambilan keuntungan atau pembayaran untuk barang yang bukan miliknya. Oleh itu, dalam *murābahah* tidak boleh barang langsung dihantar dari pembekal kepada pelanggan, melainkan barang mesti ada di pihak institusi, dan baharulah institusi berhak untuk menentukan keuntungan dari penjualan barang tersebut kepada pelanggan.

Selanjutnya ialah kajian oleh Nur Kholis<sup>20</sup> mendapati bahawa *murābahah* adalah salah satu akad yang diguna pakai oleh BMT. Secara umum pelaksanaan *murābahah* sudah selari dengan prinsip Syariah. Namun, ada beberapa hal yang menjadi evaluasi

---

<sup>19</sup>Irshad Abdal Haqq, "A Model of Islamic Banking and Finance in the West: Islamiq", *Jurnal of Islamic Law & Culture* 6 (2001), 103.

<sup>20</sup> Nur Kholis, "Evaluation to the Practice of Murabahah in the Operations of Baytul Mal Wattamwil (BMT) Yogyakarta", *Jurnal Ekonomi Islam La\_Riba* 1, no. 1 ( Julai 2007), 95.

pengkaji dalam kajian tersebut, diantaranya ialah adanya salah satu BMT yang dalam menerapkan *murābahah* terlibat dengan transaksi jual beli *fudūli*, yang oleh sesetengah ulama adalah ditegah. Transaksi jual beli *fudūli* ini berlaku apabila pihak BMT tidak dapat menyediakan barang yang dijadikan objek kontrak lalu menyerahkan kepada pihak pelanggan untuk mencari dan membelinya.

Evaluasi lain yang diberikan oleh pengkaji ialah Pihak BMT mengenakan sejumlah wang sebagai caj operasi tuntutan dan denda 3% daripada jumlah margin keuntungan, yang mana hasil dari caj operasi tuntutan tersebut dijadikan pendapatan pihak BMT. Dalam hal ini, majoriti Ulama dan pakar ekonomi tidak membenarkan hal tersebut. Semestinya wang tersebut dapat dimanfaatkan untuk kepentingan sosial.

Penelitian selanjutnya oleh Asmi Nur Siwi Kusmiyati<sup>21</sup> yang masih berhubungkait dengan teori *murābahah* oleh *Baytul Mal Wattamwil* (BMT). Kajian tersebut dilakukan Yogyakarta. Dalam kajian tersebut didapati bahawa ada beberapa risiko dalam pelaksanaan pembiayaan dengan akad *Murābahah* di BMT Yogyakarta. Diantaranya ialah risiko penyalahgunaan dana oleh anggota. Guna menghindari dari risiko tersebut, beberapa BMT menyediakan langsung barang yang dijadikan objek. Dalam kajian tersebut didapati pula beberapa BMT mengalami risiko pembayaran yang kurang lancar dari pelanggan. Untuk menghindari dari risiko tersebut, maka pihak BMT mensyaratkan adanya barang jaminan pada awal kontrak.

Kajian selanjutnya oleh Wardah Yuspin<sup>22</sup>, iaitu suatu kajian tentang penerapan prinsip Syariah dalam melaksanakan akad *murābahah*. Dalam kajian beliau, dikatakan dalam menjalankan akad *murābahah*, maka mana-mana pihak mesti memerhatikan prinsip Syariah. Seperti, pelanggan yang mengajukan permohonan mesti memenuhi syarat sah perjanjian, iaitu syarat subjektif mesti berumur 21 tahun atau sudah

---

<sup>21</sup> Asmi Nur Siwi Kusmiyati, "Resiko Akad dalam Pembiayaan *Murābahah* pada BMT di Yogyakarta", *Jurnal Ekonomi Islam La-Riba* 1, no. 1 (Julai 2007), 26.

<sup>22</sup> Wardah Yuspin, "Penerapan Prinsip Syariah Dalam Pelaksanaan Akad *Murābahah*", *Jurnal Ilmu Hukum* 10, no. 1 (Mac 2007), 55.

berkahwin, sehat jasmani dan rohani. Objek *murābahah* juga mesti tertentu dan jelas dan merupakan milik penuh pihak bank.

Menurut beliau, dalam pelaksanaan *murābahah*, pembelian objek *murābahah* dapat dilakukan oleh pembeli *murābahah* (pelanggan) sebagai wakil dari pihak bank dengan menggunakan akad *wakālah*. Pelanggan atas nama bank dapat membeli objek *murābahah*. Setelah akad *wakālah* selesai dan objek *murābahah* tersebut menjadi milik bank maka berlaku akad kedua antara bank dan pembeli *murābahah* iaitu akad *murābahah*. Sepertimana hasil kajian sebelumnya yang dilakukan oleh Amir Mu'allim<sup>23</sup> mengenai praktik pendanaan bank syariah, beliau menyatakan bahawa dalam praktik *murābahah* hampir 80% pembelian objek *murābahah* diwakilkan kepada pelanggan. Sehingga tidak sedikit pula yang terjebak ke dalam transaksi *fuḍūlī*, di mana suatu barangan belum menjadi milik bank tetapi sudah dijual kepada pelanggan.

Agus Fakhрина<sup>24</sup>, dalam kajiannya mengenai implementasi *murābahah* pada bank syariah menyatakan bahawa pada kondisi riil-nya sebahagian besar Perbankan Syariah, secara khasnya di kota Pekalongan, Jawa Tengah, melakukan beberapa penyimpangan dalam praktik *murābahah*. Di antaranya ialah ketika proses pembelian barangan (objek *murābahah*), pihak bank menyerahkan wang kepada pelanggan seterusnya pelanggan dibebaskan untuk membeli barangan tersebut tanpa adanya pengawasan lanjutan dari pihak bank. Penyimpangan juga berlaku dalam penentuan besaran margin, iaitu besaran margin masih mengikut kepada kadar faedah yang ditetapkan oleh Bank Indonesia (*BI Rate*). Praktik seperti ini tidak beza dengan praktik pinjaman wang dengan sistem faedah sepertimana yang dipraktikkan pada Perbankan konvensional.

---

<sup>23</sup> Amir Mu'allim, "Praktek Pembiayaan Bank Syariah dan Problematikanya", *Jurnal Mawrid*, no.11 (2004), 46.

<sup>24</sup> Agus Fakhрина, "Implementasi *Murābahah* Pada Bank (Konvensional) Syariah" (Disertasi Sarjana Syariah, IAIN Walisongo, 2009).

Kajian oleh Anita Rahmawaty<sup>25</sup>, mengenai tinjauan kritis produk *murābahah* dalam perbankan Syariah di Indonesia, menyatakan bahwa sebahagian besar pembiayaan di perbankan islam diperuntukkan bagi praktik *murābahah*. Semisal, dalam penelitian penulis di Bank Muamalat Indonesia (BMI) cabang Semarang, sekitar 78% dari total pembiayaannya adalah pembiayaan *murābahah*. Namun, dalam pelaksanaan *murābahah* di perbankan Islam masih terdapat banyak kritikan yang berasal daripada sarjana islam. Kritikan itu di antaranya ialah masih adanya sesetengah ulama yang meragukan amalan *murābahah* dengan pandangan bahawa *murābahah* hanya merupakan *ḥīlah* untuk mendapatkan riba. Ada juga yang menganggap *murābahah* sebagai *bay' 'inah* dan *bay' al-ma'dūm*.

Di dalam penentuan harga dalam *murābahah*, menurut beliau juga terdapat beberapa kritikan, diantaranya ialah harga jual dalam *murābahah* kadang lebih tinggi dibandingkan dengan penjualan di perbankan konvensional. Hal ini dapat menyebabkan munculnya persepsi masyarakat yang menyamakan amalan *murābahah* di bank Syariah dengan pinjaman kredit di bank konvensional. Menurut beliau, dengan munculnya beberapa kritikan terhadap *murābahah* bererti mengindikasikan bahawa sebenarnya produk *murābahah* direspon secara luas. Sebab itu, para sarjana dan pengamal perbankan islam mesti terus melakukan kajian dan menyelidiki secara serius mekanisme *murābahah* supaya selari dengan prinsip-prinsip Syariah.

Muhammad Syafi'i Antonio<sup>26</sup> menjelaskan bahawa *murābahah* dalam amalannya dapat dibahagiakan menjadi dua jenis. Pertama ialah *murābahah* di mana barang sudah dimiliki oleh pihak bank ketika pihak bank dan pihak pelanggan melakukan kontrak.

Manakala yang kedua ialah *murābahah* di mana pihak bank belum memiliki barang ketika berkontrak dengan pihak pelanggan, sehingga pihak bank mesti mencari

---

<sup>25</sup> Anita Rahmawaty, "Ekonomi Syariah: Tinjauan Kritis Produk *Murābahah* dalam Perbankan Syariah di Indonesia", *Jurnal Ekonomi Islam La\_Riba* 1, no. 2 (Disember 2007), 187.

<sup>26</sup> Muhammad Syafi'i Antonio, *Perbankan Syariah, Dari Teori ke Praktik*, 102-103.

dan membeli barang yang dipesan oleh pelanggan, model *murābahah* yang kedua biasa disebut dengan *al-Murābahah li al-Amri bi al-Shirā'*.

Masih dalam buku yang sama Muhammad Syafi'i Antonio juga menjelaskan bahawa amalan *al-Murābahah li al-Amri bi al-Shirā'* melazimkan adanya sebuah perjanjian pada awal kontrak, iaitu janji dari pihak bank untuk menyediakan barang dan janji dari pihak pelanggan untuk membeli barang yang dipesan jika barang tersebut sudah dimiliki pihak bank. Namun janji kedua-dua pihak tersebut boleh bersifat mengikat secara hukum dan boleh juga bersifat tidak mengikat.

Dalam pembahasan perjanjian pada awal kontrak *murābahah*, iaitu perjanjian yang dapat bersifat mengikat dan dapat juga bersifat tidak mengikat, Muḥammad Yūsuf al-Qaraḍāwī<sup>27</sup> mengutip beberapa fatwa dari ulama-ulama Islam perjanjian dalam *murābahah*. Diantaranya ialah fatwa Syaikh Badar al-Mutawallī (Penasihat *Bayt al-Tamwīl* al-Kuwait) yang menyatakan bahawa permintaan pelanggan untuk barang adalah suatu janji yang mesti dipenuhi.

Dikutip juga oleh beliau Fatwa Muktamar Perbankan Islam yang Pertama di Dubai (*Jumādī al-Ākhirah* 1399H / Mei 1979) bahawa muamalah *Bay' al-Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā'* mengandungi dua janji, iaitu janji dari pihak bank untuk membelikan barang tersebut dan janji dari pelanggan untuk membeli barang tersebut setelah barang dimiliki oleh bank. Janji adalah sesuatu yang bersifat mengikat menurut hukum agama dan sebab itu memungkinkkan hukum mahkamah untuk ikut mengikat, sebab jika perjanjian itu menjadi pencapaian masalah maka mahkamah dapat mencampurinya. Dalam beberapa pembahasan tentang janji dalam *murābahah*, dikatakan bahawa ianya bersifat mengikat. Namun belum ada lagi penjelasan tentang kesan daripada janji tersebut. Dalam kajian ini penulis akan menjelaskan tentang kesan

---

<sup>27</sup> Muḥammad Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Bay' al-Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā' Kamā Tujrīh al-Maṣārif al-Islāmiyyah* (Beirut: Maktabah Wahbah, 1987), 9-10.

daripada janji pada akad *murābahah* yang diamalkan di Pegadaian Syariah Dewi Sartika.

## **1.8. Metodologi Penelitian**

Metodologi merupakan cara utama yang digunapakai untuk mencapai suatu tujuan. Dalam penelitian ini, rumusan yang telah diwujudkan diperlukan suatu metodologi untuk membuktikannya melalui kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

### **1.8.1. Pengumpulan Data**

Kaedah ini diguna pakai di dalam mengumpulkan dan mencari data-data yang diperlukan dalam penyelidikan. Kaedah pengumpulan data ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu data primer dan data sekunder.

#### **1.8.1.1. Data Primer**

Untuk mendapatkan data primer, penyelidikan dilakukan secara langsung ke atas tajuk yang dipilih untuk dibuat kajian. Dalam kajian ini, dua metod telah digunapakai untuk mengumpulkan data primer yang dikira sesuai untuk mengkaji, mengupas data-data tentang pelaksanaan instrumen *murābahah* pada produk MULIA, metod tersebut iaitu:



#### **1.8.1.1.1. Metod Observasi**

Metod observasi ialah satu cara mengumpul data tanpa melibatkan komunikasi secara langsung dengan responden. Dengan kata lain, pengumpul data dilakukan tanpa bertanya soalan secara langsung pada responden. Responden diperhatikan dalam persekitaran yang sedia ada/semula jadi dan kemudian aktiviti atau tingkah laku mereka direkodkan.<sup>28</sup> Metod ini dilakukan langsung ke institusi yang berkaitan iaitu Pegadaian Syariah Dewi Sartika, yang beralamat di jalan Dewi Sartika No. 139 A Jakarta Timur, Indonesia untuk melihat sendiri aplikasi akad *murābahah* kepada pelanggan, sama ada dari alir transaksi, akad yang digunakan dan cara pelunasan hutang. Jenis observasi yang digunakan ialah Observasi tidak turut serta, iaitu pengkaji tidak terlibat dalam suasana kajian, tapi hanya sekedar memerhatikan aktiviti pelanggan dari satu tempat khas untuk pengkaji. Observasi tersebut bermula dari tarikh 10 Disember 2012 sampai 10 Januari 2013.

#### **1.8.1.1.2. Metod Temubual**

Metod ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan keterangan secara lisan daripada responden dengan temubual responden tersebut. Dengan menggunakan metod ini, ia boleh mendatangkan manfaat di dalam memberikan kefahaman yang jelas tentang aplikasi instrumen *murābahah* di Pegadaian Syariah Dewi Sartika Jakarta. Adapun pihak-pihak yang ditemui ialah:

---

<sup>28</sup> Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Selangor: Pearson Malaysia, 2005), 135.

1. Dewan Pertimbangan Syariah (DPS) Pegadaian Syariah Dewi Sartika, iaitu Encik. Rahmat Hidayat. Temubual dilakukan pada tarikh 2 Januari 2013. Temubual ini diperlukan untuk mengetahui proses pengesahan akad *murābahah* dalam transaksi emas, secara khasnya pada produk MULIA di institusi Pegadaian Syariah Dewi Sartika.
2. Pengetua Pegadaian Syariah Dewi Sartika, Iaitu encik. Komaruddin Syam. Temubual ini dilakukan pada tarikh 11, 18 dan 25 Disember 2012. Temubual ini diperlukan untuk memberikan penjelasan tentang pelaksanaan akad *murābahah* dalam transaksi emas, secara khasnya pada produk MULIA di institusi Pegadaian Syariah Dewi Sartika.
3. Pengerusi Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad, Iaitu Ustad Azizi Che Seman. Temubual dilakukan pada tarikh 3 Jun 2013. Temubual ini diperlukan untuk mengetahui ketentuan hukum jual beli emas di Malaysia.
4. Pelanggan, ianya diperlukan untuk memberikan tanggapan terhadap prosedur pengajuan pembiayaan *murābahah* transaksi emas secara ansuran pada produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika. Temubual dilakukan kepada Encik. Joni Prastiyo, pada tarikh 10 Apri 2013.

#### **1.8.1.2. Data Sekunder**

Bagi mendapatkan data-data ini, penulis menggunakan kajian perpustakaan untuk memperoleh serta mengumpulkan bahan-bahan rujukan dalam bentuk dokumentasi yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan. Kaedah ini diguna pakai sebagai kaedah yang pertama dalam pengumpulan maklumat, bahan bercetak seperti buku-buku, risalah-risalah, kertas-kertas kerja, jurnal-jurnal, akhbar dan data-data yang

berhubungkait dengan rujukan dan tajuk kajian. Dalam penggunaan sumber rujukan, penulis mengutamakan kepada sumber asal, iaitu kitab-kitab fikah dari mazhab empat. Manakala buku-buku kontemporari turut digunakan bagi memperoleh pandangan yang lebih mengena dengan kajian.

## **1.8.2. Analisis Data**

Kaedah ini diguna pakai di dalam penghuraian masalah kajian yang dibuat. Kaedah analisis data ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu induktif dan deduktif.

### **1.8.2.1. Metod Induktif dan Deduktif**

Penyelidikan ini menggunakan metod induktif dan deduktif. Metod induktif bererti satu pola berfikir untuk membuktikan hal-hal yang bersifat khusus kepada hal-hal yang bersifat umum. Melalui metod ini, pengkaji mengumpulkan dalil-dalil dan data-data daripada pandangan para ulama tentang akad *murābahah* dalam Islam, lalu pengkaji menjelaskan pengamalan akad *murābahah* dalam muamalah semasa. Metod ini digunakan pada bab 2 dan bab 4.

Manakala metod deduktif digunakan untuk menganalisis masalah berdasarkan perkara-perkara yang bersifat umum kepada perkara yang bersifat khusus. Metod ini digunapakai untuk mengenal pasti prinsip syariah dalam muamalat Islam yang diaplikasikan dalam operasi Pegadaian Syariah, secara khasnya pada produk MULIA, iaitu dengan cara mengumpulkan data-data yang diperolehi sama ada melalui temu bual, dokumentasi, laporan-laporan serta sumber-sumber lain yang berkaitan dengan kajian. Seterusnya, data-data dan fakta yang diperolehi daripada temu bual dan dokumentasi yang bersifat umum dianalisis kepada suatu kesimpulan-kesimpulan yang bersifat

khusus yang terhasil dari data yang bersifat umum tersebut. Metod ini digunakan pada bab 4.

### **1.9. Sistematika Penulisan**

Penyelidikan ini akan dibahaskan dalam lima bab yang akan dipaparkan secara berurutan. Bab I adalah pendahuluan yang mengandungi tentang pengenalan kajian, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, kajian lepas, metodologi kajian dan sistematika penulisan yang berfungsi sebagai landasan teoretikal dalam penyelidikan ini.

Seterusnya Bab II akan menjelaskan tentang konsep jual beli dalam Islam, konsep akad *murābahah* dalam fiqh muamalah, Fatwa dan pandangan ulama tentang akad *murābahah* serta konsep jual beli emas dalam fiqh muamalah.

Dalam Bab III akan mengkaji mengenai Pegadaian Syariah Dewi Sartika Jakarta. Sejarah, visi, misi, tujuan, lembaga pengurusan, produk dan perkhidmatan daripada Pegadaian Syariah Dewi Sartika Jakarta.

Dalam Bab IV akan memaparkan aplikasi instrumen *murābahah*, secara khasnya pada produk MULIA di pegadaian Syariah Dewi Sartika Jakarta, landasan dasar pelaksanaan instrumen *murābahah* yang terdiri dari fatwa dan ketentuan pelaksanaan instrumen *murābahah* dalam produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika Jakarta. Dalam bab ini juga mengandungi analisis pelaksanaan *murābahah* dalam transaksi emas pada produk MULIA dan juga analisis daripada fatwa MUI tentang jual beli emas secara tidak tunai.

Pada Bab selanjutnya akan memaparkan suatu penilaian akhir dalam bentuk kesimpulan pada keseluruhan kajian ini. Hal ini akan dimuat dalam satu Bab tersendiri, yaitu Bab V yang terdiri dari kesimpulan, cadangan dan penutup.

## **1.10. Kesimpulan**

Berasaskan fatwa MUI (Majelis Ulama Indonesia) tarikh 16 Disember 2003, maka di Indonesia, atas kerjasama antara PERUM Pegadaian dan Bank Muamalat Indonesia mulai dikembangkan pegadaian Syariah, hal itu dimulakan dengan penubuhan Unit Layanan/Perkhidmatan Gadai Syariah (ULGS) Dewi Sartika di Jakarta, yang kemudian disusul dengan penubuhan ULGS di beberapa daerah di Indonesia.

Perbezaan asas antara pegadaian Syariah dan pegadaian konvensional adalah segala urusan mesti dikendalikan tanpa ada unsur-unsur faedah. Oleh itu, semua produk di Pegadaian Syariah dilaksanakan sesuai dengan prinsip Syariah, yaitu dengan akad *Rahn* dan *Ijārah*. Dalam operasinya, Pegadaian Syariah selalu melihat perkembangan pasar, salah satunya ialah perkembangan minat masyarakat terhadap pemilikan emas untuk dijadikan sebagai alat pelaburan. Maka itu, pada tahun 2009 Pegadaian Syariah Dewi Sartika mengenalkan produk baharu, yaitu MULIA (Murabahah Emas Logam Mulia Investasi Abadi) yang dilaksanakan dengan akad *murābahah*.

Dalam kajian ini akan membahas lebih dalam tentang aplikasi instrumen *murābahah* dalam operasi di Pegadaian Syariah Dewi Sartika di Jakarta.